

05 JAN 1997

Ghani-Umno

REFORMASI BUDAYA AGENDA PENTING UMNO JOHOR TAHUN INI

JOHOR BAHRU, 5 Jan (Bernama) -- Soal reformasi budaya di kalangan anggota Umno merupakan agenda penting yang akan dilaksanakan oleh Badan Perhubungan Umno Negeri Johor tahun ini, kata Pengerusinya, Datuk Abdul Ghani Othman.

Segala tenaga kerja yang ada akan digerakkan bagi menjayakan reformasi itu yang telah diutarakan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya pada pelancaran buku dokumentasi 50 tahun Umno Johor dan pameran bergambar perjuangan Umno di sini, hari ini.

Menurut beliau, reformasi budaya perlu dilaksanakan bagi mewujudkan anggota parti yang berwibawa dan dihormati memandangkan sumbangan Umno kepada masyarakat Melayu amat besar.

Di samping memerdekakan bahasa dan memartabatkan agama Islam, Umno juga telah berjuang untuk meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu serta mewujudkan perpaduan, kata beliau.

Abdul Ghani berkata reformasi budaya juga menyentuh aspek nilai dan akhlak di kalangan pemimpin Umno.

Mengenai kerja-kerja dokumentasi, beliau berkata Umno Johor tahun ini akan mendokumenkan perjuangan Wanita Umno Johor bagi menambahkan lagi bahan bacaan bukan saja kepada anggota parti tetapi juga kepada orang ramai terutamanya generasi muda.

"Kita tidak akan leka. Kita mahu kegemilangan Umno Johor diteruskan kerana kegemilangan itu terletak pada kekuatan parti," dan kebijaksanaan hendaklah dipadankan dengan kepimpinan, katanya.

Dokumentasi 50 Tahun Umno Johor itu adalah dalam bentuk penerbitan buku bertemakan "Umno Sebagai Wadah Perjuangan", penerbitan video dengan lima tajuk dan pameran.

Abdul Ghani berkata tujuan dokumentasi itu ialah untuk memaparkan data berunsur sejarah dan pendidikan yang menggalurkan sejarah Umno Johor sejak 50 tahun penubuhannya di Istana Besar Johor Baharu pada 11 Mei 1946.

"Walaupun pernah berlaku persengketaan dan pertelingkahan pendapat, perebutan jawatan dan pelbagai lagi dalam Umno, namun ia tetap teguh dan semakin mantap sehingga hari ini," kata beliau.

Beliau berharap bahagian-bahagian Umno di Johor akan membeli buku dan video berkenaan untuk diagihkan kepada ahli atau sekolah-sekolah di bahagian masing-masing. -- BERNAMA

MKO PR